

26/03/2002

Cuepacs tawar diri jadi orang tengah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menawarkan diri untuk menjadi orang tengah bagi mencari penyelesaian terbaik terhadap pertikaian di antara Kementerian Pendidikan dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berhubung dakwaan berlaku pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Bagaimanapun, pada masa sama, badan induk gabungan kesatuan sekerja sektor awam itu membantah kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, bahawa tindakan akan diambil terhadap Setiausaha Agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam, jika terus membuat dakwaan berkenaan.

Cuepacs juga menyifatkan siasatan Jawatankuasa Bebas Siasatan Isu Pengasingan Pelajar Mengikut Kaum di Sekolah itu sebagai kurang adil kerana hanya membabitkan pihak sekolah sedangkan Siva dan NUTP tidak diminta memberi keterangan serta mengemukakan bukti berhubung dakwaan mereka.

Sehubungan itu, Setiausaha Agungnya Abd Rahman Manan, berkata Timbalan Presiden I Cuepacs, akan mengadakan pertemuan dengan pegawai tertinggi NUTP sebelum mesyuarat Exco badan itu pada 31 Mac ini bagi membincangkan isu itu sebelum kedua-duanya bertemu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi mencari jalan penyelesaian terbaik.

Katanya, Cuepacs bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa NUTP tidak berhasrat menyerang sekolah kebangsaan, tetapi tersalah faham mengenai keadaan sebenar di sekolah apabila mengetengahkan perkara.

"Cuepacs meminta kerja sama semua pihak supaya bertenang dan tidak memburukkan lagi keadaan kerana ini boleh menjejaskan sistem pendidikan negara," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Cuepacs di sini, petang ini.

Siva, yang juga Presiden Cuepacs, kini didesak pelbagai pihak supaya memohon maaf secara terbuka kerana dakwaannya itu yang disifatkan sebagai menghina warga pendidikan selain boleh menggugat perpaduan kaum di negara ini.

Semalam, ketika mengulas saranan Abdullah supaya beliau memohon maaf, Siva berkata NUTP hanya akan memohon maaf berhubung dakwaan pengasingan pelajar berdasarkan kaum selepas berpuas hati dengan laporan jawatankuasa bebas yang mendapati tuduhan itu tidak berasas.

Katanya, isu itu tidak akan menjadi besar sekiranya Kementerian Pendidikan tidak mencabar NUTP menyenaraikan sekolah terbabit dalam tempoh seminggu.

NUTP dalam memorandumnya kepada Menteri Pendidikan pada 26 Disember 2001 antara lain mendakwa kuasa guru besar dan pengetua dikatakan tidak digunakan secara konsisten dengan dasar pendidikan negara yang menekankan perpaduan antara kaum dan pihak sekolah mengkhususkan kelas terbaik untuk pelajar Melayu atas arahan pihak atasan.

Khamis lalu, jawatankuasa bebas diketuai Profesor Emeritus Datuk Dr K J Ratnam yang menyiasat isu pengasingan pelajar mengikut kaum di 210 sekolah yang didakwa NUTP, mendapati semua tuduhan itu tidak berasas.

Abd Rahman berkata, Cuepacs menghormati keputusan Jawatankuasa Bebas itu tetapi berpendapat Siva dan NUTP sepatutnya diberi peluang membentangkan kes mereka termasuk dengan buktinya sekali.

"Kami berpendapat adalah tidak adil bagi Siva tidak dipanggil memberi keterangan. Malah dalam mahkamah pun kita diberi peluang mengemukakan kes kita," katanya sambil menambah Siva tidak terbabit dalam usaha Cuepacs ini.

Ditanya apakah ini bermakna Cuepacs melihat siasatan itu berat sebelah, beliau berkata: "Lebih kurang".

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan juga tidak boleh mengambil tindakan terhadap Siva kerana beliau membuat dakwaan itu sebagai Setiausaha Agung NUTP, bukan sebagai guru.

(END)